

Submission date: 27 January 2021

Acceptance date: 28 May 2021

Publication date: 09 June 2021

MODEL PUSAT SEHENTI PENGURUSAN HARTA PUSAKA ISLAM (FARAID)

THE MODEL OF FARAID ONE-STOP CENTRE (FOSC)

¹Mushaddad Hasbullah, ^{*1}Azman Ab. Rahman, ¹Abdul Manan Ismail, ¹Ahmad Zaki Salleh,
¹Mohamad Zaharuddin Zakaria, ¹Zahari Mahad Musa, ¹Mohd Nasir Abdul Majid, ¹NorFatimah Amlin Ab Ghani

¹Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan.

(Corresponding author) e-mail: mushaddad@usim.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol9no1.293>

ABSTRAK

Faraid merupakan sebuah sistem pengurusan harta selepas kematian yang dianjurkan oleh Islam. Di Malaysia, bidang kuasa hal ehwal Islam termasuk pengurusan harta pusaka adalah terletak di bawah kuasa pentadbiran negeri. Walau bagaimanapun, sistem pengurusan harta pusaka pada masa kini dilihat masih memerlukan kepada penambahbaikan dan transformasi dari sudut pengurusan dan pentadbirannya. Anggaran sebanyak RM60 bilion harta masih belum dituntut disebabkan oleh kesedaran masyarakat tentang pengurusan harta pusaka masih lagi di tahap yang rendah di samping kekeliruan dengan wujudnya pelbagai agensi yang menguruskan harta pusaka. Justeru, pembangunan model pusat sehenti pengurusan harta pusaka atau FOSC (*Faraid One-Stop Centre*) ini merupakan sebuah inisiatif yang dibangunkan untuk memudahkan masyarakat menyelesaikan masalah berkaitan harta pusaka dengan lebih efisien. Model pusat sehenti pengurusan harta pusaka (FOSC) ini menyatukan semua agensi-agensi yang terlibat dengan pengurusan harta pusaka di bawah satu pusat bagi memudahkan pengurusan harta pusaka. Model FOSC terdiri daripada lima agensi iaitu *Faraid USIM Consultant* (FUSACA), Bahagian Harta Pusaka Kecil, Amanah Raya Berhad, Majlis Agama Islam Negeri dan Agensi Guaman & Perundingan. *Faraid USIM Consultant* (FUSACA) dijadikan agensi yang berperanan penting dalam membuat keputusan dan memberi khidmat nasihat kepada pelanggan. Manakala, Bahagian Harta Pusaka Kecil sebagai agensi yang merekod kes yang dipohon dan diselesaikan dan Amanah Raya Berhad merupakan agensi yang menguruskan hal yang melibatkan harta alih dan mengeluarkan Akuan atau Arahan bagi harta alih. Majlis Agama Islam Negeri menyediakan khidmat pengiraan jumlah nilai dan bahagian harta pusaka dan Agensi Guaman & Perundingan sekiranya pelanggan memerlukan khidmat peguam atau nasihat. Model FOSC ini boleh menjadi rujukan dan panduan kepada agensi berwajib berkaitan harta pusaka dalam mewujudkan pusat sehenti di negeri masing-masing. Model FOSC ini juga amat diyakini dapat memperkasakan pengurusan harta pusaka di Malaysia dan secara langsung dapat memudahkan masyarakat menguruskan harta pusaka secara mudah dan sah.

Kata kunci: Pusat Sehenti, Faraid, Harta Pusaka, Model, Efisien

ABSTRACT

Faraid is a set of rules and principles that regulates the distribution of a Muslim's property upon his death which is based on the Sharia law. In Malaysia, the Islamic jurisdiction including the management of inheritance is under the administration of the state. However, from what we can see recently, the management of inheritance property still requires improvement and transformation in the perspective of management and administration. The average unclaimed worth of assets by the deceased's family members is valued at around RM 60 billion due to the lack of knowledge regarding the management of inheritance. Lack of knowledge on the role of the inheritance's agencies among the Muslim society is also the main challenge in assisting them to resolve their disputes in property distribution. Hence, it is suggested that a *Faraid* One-Stop Centre will assist the Muslim community in settling the issues of inheritance efficiently. The *Faraid* One-Stop Centre (FOSC) model is a combination of all the inheritance management agencies under one roof or at one place. The model of FOSC consists of five agencies which are *Faraid* USIM Consultant (FUSACA), Small Estate Division of the Land Office, Amanah Raya Berhad, State's Religious Authority and the proposed Agency of Legal Aid and Advisory Services of *Faraid* USIM Consultant (FUSACA) is the most important agency in making decisions and giving advice to customers. Meanwhile, Small Estate Division of the Land Office is the agency that compiles all the inheritance cases. The Amanah Raya Berhad manages matters regarding the movable properties and grants the Letter of Declaration or Order. State's Religious Authority or Council will perform the valuation process of the property. Whereas The Agency of Legal Aid and Advisory Services will help in giving legal advice to the customers if needed and represent the clients in the court of law. The Model of FOSC may become a reference and guidance to the related agencies of inheritance to develop FOSC in each state in Malaysia. This model will improve the management and administration of inheritance to the next level, making the process of inheritance division and management easier for the people.

Keywords: *Faraid, One-Stop Centre, Inheritance, Model, Efficient*

Pengenalan

Apabila membincangkan isu hak pewarisan pusaka, perkara utama yang perlu diketahui iaitu memahami sejarah hak pewarisan pusaka sebagai suatu "platform" untuk pengukuhan ilmu secara holistik khususnya dalam pengurusan harta pusaka orang Islam (Faridah, 2017). Kebanyakan masyarakat kini kurang faham tentang kaedah pembahagian harta pusaka Islam dan mereka kurang prihatin tentang ilmu pengurusan harta pusaka sedangkan perkara tersebut amat penting dalam kehidupan. Gambaran bagaimana urusan pentadbiran tanah diimplementasikan dari perspektif Islam memerlukan kita melihat secara selang pandang bagaimana ianya diuruskan oleh pemimpin Agung umat Islam iaitu Rasulullah S.A.W. (Fazira, 2014). Pada zaman pemerintahan Rasulullah S.A.W. di Madinah, semua persoalan dan hal-hal yang berkaitan dengan tanah akan dirujuk dan dikendalikan oleh Rasulullah S.A.W. sendiri (Md Yazid, 2005). Bagi menguruskan pentadbiran tanah di wilayah-wilayah takluk Islam Rasulullah telah melantik Gabenor (Fazira, 2014).

Baginda menggunakan al-Quran sebagai rujukan utama dalam menyelesaikan segala masalah termasuklah dalam isu berkaitan tanah. Baginda juga mengeluarkan hadis-hadis berkaitan tanah bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam kalangan umatnya tanpa mengenyepikan uruf setempat pada masa itu. Selepas kewafatan Rasulullah S.A.W., negara Islam telah berkembang dengan sangat pesat dan menyebabkan masalah berkaitan tanah dan sempadan semakin bertambah (Md Yazid, 2005).

Pelbagai masalah baru yang belum pernah dibincangkan semasa keberadaan Rasulullah S.A.W. timbul dan masalah ini perlu diselesaikan oleh pemerintah pada masa tersebut dengan mengambil al-Quran dan hadis sebagai panduan. Allah telah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 195:

وَاتَّبِعْ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۚ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۚ وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۚ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Maksudnya : “Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik, kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerusakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerusakan.”

Berdasarkan ayat tersebut dapat difahami bahawa Allah telah mengingatkan hamba-Nya untuk menjaga dan mendapatkan bahagian masing-masing sebagaimana yang layak diterima oleh mereka. Dalam surah tersebut juga Allah mengingatkan hamba-Nya untuk berbuat baik antara satu sama lain. Berdasarkan pengurusan harta yang mengikut syarak, perkara yang paling menjadi keutamaan adalah mengenai asal usul atau sumber pemerolehan sesuatu harta tersebut samada ia melalui cara yang dibenarkan syarak ataupun tidak. Harta pusaka juga termasuk dalam kategori harta yang perlu dibelanjakan atau diuruskan dengan baik dan berhemah oleh pemiliknya. Rasulullah pernah bersabda :

لا تزول قدما عبد يوم القيامة يسأل عن عمره فيما أفناه، وعن علمه فيم فعل، وعن ماله من أين اكتسبه وفيم أنفقه، وعن جسمه فيم أبلاه

Maksudnya: Tidak berganjak dua kaki seorang hamba di hari kiamat sehingga dipersoalkan tentang umurnya pada apa yang dia lakukan, tentang ilmunya pada apa yang diamalkan, tentang hartanya pada apa yang diperolehi dan dibelanjakan serta tentang anggota badannya pada apa yang digunakannya.

(Sunan al-Tarmizi, bab fi al Qiyamah, no: 2417)

Selain meneruskan beberapa dasar umum pada zaman Rasulullah S.A.W., para khalifah turut mengeluarkan ijtihad mereka sendiri terutamanya Khalifah ‘Umar ibn al-Khattab R.A. ketika menjadi khalifah yang kedua (Fazira, 2014).

Khalifah merupakan pegawai eksekutif tertinggi yang memimpin umat Islam selepas kewafatan Rasulullah S.A.W. Khalifah juga merupakan seseorang yang perlu mengisi tempat Rasulullah sebagai pemerintah pada masa tersebut dan memikul tanggungjawab yang besar sebagai pemerintah. Sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah semasa hayatnya, Khalifah yang memimpin umat Islam selepas kewafatan Rasulullah turut mendelegasikan kuasa pentadbiran kepada Menteri (Wazir), Gabenor dan Pegawai-pegawai di pelbagai Jabatan Pentadbiran termasuk hal ehwal tanah. Khalifah mempunyai kuasa pemutus kepada masalah pentadbiran (Fazira, 2014).

Pada zaman pasca-Islam, ilmu Faraid telah menyumbang kepada perkembangan ilmu dan tamadun manusia (Faridah, 2017). Terdapat dalam ilmu tersebut angka-angka yang ditetapkan oleh syarak kepada waris-warisan fardu seperti 1/2, 1/4, 1/8, 2/3, 1/3 dan 1/6 (Mustafa Khin, 2013). Kesempurnaan hak pewarisan pusaka Islam tidak boleh dibangkitkan oleh mana-mana pihak kerana dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip seperti kesederhanaan dan keseimbangan antara pemilikan dan pewarisan, kebebasan yang mutlak bagi waris dan ummah (baitulmal), pengagihan harta mengikut hak yang sebenar baik ketika hidup mahupun sesudah mati (Faridah, 2017).

Di Malaysia, segala hal berkaitan pengurusan harta pusaka Islam ditadbir oleh tiga agensi iaitu Amanah Raya Berhad, Mahkamah dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian manakala agensi-agensi lain turut terlibat dalam proses pengurusan harta pusaka. Agensi tersebut mempunyai peranan yang berbeza antara satu dengan yang lain dan masing-masing bertindak untuk menyelesaikan proses pengurusan harta pusaka. Pada masa kini, terlalu banyak harta beku disebabkan oleh tiada tuntutan harta pusaka dibuat oleh ahli waris si mati atau proses tuntutan harta pusaka tidak dapat diselesaikan. Harta beku yang mencecah hampir 60 bilion ringgit itu tidak dapat diproses dan diusik untuk apa-apa tujuan selama ahli waris tidak membuat tuntutan. Hal ini berpunca daripada orang ramai yang terpengaruh

dengan khabar angin yang menyatakan proses pengurusan harta pusaka rumit dan menyusahkan. Memandangkan setiap orang mempunyai masalah harta pusaka yang berbeza, proses pengurusan tersebut memakan masa yang lama untuk diselesaikan.

Bagi mereka yang tidak biasa dengan prosedur mahkamah, hal ini akan menjadi sukar kerana mereka perlu menyediakan dokumen-dokumen mengikut tatacara mahkamah syariah dan akan melalui proses perbicaraan (Ahmad Termizi, 2017). Pengurusan harta pusaka Islam (Faraid) merangkumi satu proses yang melalui pelbagai prosedur. Oleh yang demikian, pelbagai masalah akan timbul di setiap peringkat sepanjang proses pengurusan harta pusaka. Walaupun sistem harta pusaka telah banyak diperbahaskan, namun bentuk pelaksanaannya adalah pelbagai dan banyak bercampur baur dengan nilai-nilai berasaskan kepada adat resam setempat sama ada bagi tujuan penyesuaian atau pun keperluan-keperluan lainnya (M. Bakir & Khatijah, 2012).

Amalan Pengurusan Harta Pusaka Di Malaysia

Masalah harta pusaka semakin meningkat dari hari ke hari berikutan pelbagai masalah sepanjang menyelesaikan proses pengurusan harta pusaka. Terdapat sekurang-kurangnya empat institusi yang terlibat dalam pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam, di samping berbagai undang-undang bertulis, berlainan prosedur yang menimbulkan kekeliruan dikalangan masyarakat (Resali, 2016). Di Malaysia, dalam urusan pembahagian pusaka juga terdapat beberapa perundangan yang perlu dibaca bersama perundangan lain bagi memenuhi kepentingan masing-masing (Bibi & Md Yazid, 2016). Terdapat beberapa institusi yang berlainan yang menguruskan pembahagian harta pusaka ini dan beberapa perundangan tertentu yang mesti dipatuhi dan beberapa Institusi yang bertanggungjawab. Kedudukan ini mengelirukan ahli waris mengenai di institusi mana dan bagaimana menyelesaikan dan membahagikan harta pusaka ini (Resali, 2016).

Masyarakat juga dilihat masih agak keliru dengan peranan dan fungsi pelbagai agensi yang wujud termasuklah Majlis Agama Islam Negeri, Mahkamah Syariah, Pejabat Tanah (Unit Pembahagian Pusaka Kecil), Mahkamah Tinggi Sivil, Amanah Raya Berhad dan lain-lain agensi swasta (Mahamad Naser, 2010). Agensi-agensi tersebut mempunyai bidang kuasa dan peranan masing-masing yang tidak difahami dengan baik oleh masyarakat yang menyebabkan proses tuntutan harta pusaka tidak dapat dituntut dan diselesaikan dengan cepat. Masalah harta pusaka ini menyebabkan harta tersebut terbeku dan tidak dapat dibangunkan bagi tujuan pembangunan ekonomi waris-waris (Mohd Khairy & Azwan, 2016).

Apabila sesuatu harta tersebut diisytiharkan sebagai beku, maka ia memerlukan pelbagai prosedur dan mengambil masa yang panjang untuk menyelesaikannya (Ab Aziz & Nordin, 2015). Akhirnya tanah Akan terhalang daripada dimajukan dan terbiar sekali gus menjadi kawasan yang mundur di mana ia perlu dimajukan di bawah program pembangunan dan pembaharuan semula bandar (Ismail Omar & Asiah Othman, 2012). Proses tuntutan harta pusaka yang panjang, rumit dan memakan kos yang tinggi menjadi faktor ramai ahli waris tidak menyelesaikan tuntutan harta pusaka. Sistem pentadbiran dan pengurusan harta pusaka di Malaysia masih dipengaruhi oleh adat dan perundangan tinggalan penjajah. Sistem pengurusan ini tidak selaras di setiap negeri kerana adat di setiap negeri tidak sama sebagai contoh Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Islam menggalakkan umatnya untuk mempercepatkan semua urusan berkaitan harta selepas berlaku kematian. Namun, kebanyakan masyarakat sering menangguhkan proses tuntutan harta pusaka bagi menghormati ahli keluarga dan waris si mati. Jika terdapat salah seorang waris yang menyarankan agar pembahagian dan penyelesaian harta itu dibuat dengan segera, biasanya dia akan dipandang serong oleh waris-warisan yang lain, dituduh sebagai tidak beradab, tidak menghormati si mati dan sebagainya. Kesan dari penangguhan tersebut, ahli waris lupa untuk menyelesaikan proses tuntutan dan permohonan harta pusaka rentetan tempoh penangguhan permohonan terlalu lama dan tidak dilakukan sejurus selepas berlaku kematian. Terlalu banyak harta orang yang telah meninggal dunia yang masih tidak ditukar hak milik dan ini menyebabkan harta tersebut beku dan tidak mampu memberi faedah kepada mana-mana pihak. Harta-harta umat Islam ini jika tidak dibangunkan, amat merugikan umat Islam sendiri kerana ia

menjadi tanah-tanah terbiar yang tidak dimanfaatkan kerana kurangnya kesedaran umat Islam tentang kepentingannya demi pembangunan sosio-ekonomi ummah (Hakim Mohammed, 2009).

Terdapat juga masalah kehilangan dokumen-dokumen penting dalam proses tuntutan harta pusaka seperti kehilangan surat tanah, surat perjanjian dan lain-lain dokumen. Pemilik harta tidak mengambil berat dan menjaga hal-hal dokumen. Hal seperti ini menyebabkan proses pembahagian dan pengurusan harta pusaka tertangguh dan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang sepatutnya. Hal seperti ini amat memberi kesan dalam proses pengurusan harta pusaka kerana ketiadaan dokumen yang sah dan asli. Semakin lama kes tertangguh, semakin banyak masalah yang berbangkit seperti isu pemilihan beramai-ramai ke atas hartanah, bilangan waris semakin bertambah atau terjadi kematian bertindih. Proses perbicaraan pembahagian harta pusaka akan menjadi semakin sulit dan memakan masa yang lama. Dokumen hak milik tanah dan harta amat penting bagi menentukan hak seseorang ke atas harta tersebut. Namun, kehilangan dokumen-dokumen tersebut akan menyebabkan hak milik tidak jelas terhadap tanah tersebut. Kehilangan dokumen penting seperti geran tanah akan menyukarkan pembuktian kewujudan tanah dan harta ketika memfailkan tuntutan harta pusaka.

Pengurusan dan kemaskini informasi yang tidak selaras di antara setiap jabatan menyebabkan terjadinya pertembungan maklumat dan ketidakseragaman antara jabatan pengurusan harta pusaka yang lain. Maklumat yang diperoleh tidak disimpan dengan kemas dan tidak dimaklumkan kepada jabatan lain. Namun, dengan kemudahan teknologi dan internet masa kini, semua maklumat penting sepatutnya di muat naik di internet supaya dapat diakses oleh jabatan yang berkaitan dalam pengurusan harta pusaka. Dengan cara ini, semua maklumat mengenai tuntutan dapat diseragamkan dan dapat memastikan tiada tuntutan yang dibuat berulang kali.

Di samping itu, masih banyak mentaliti masyarakat yang beranggapan bahawa perancangan awal atau pembahagian harta kepada ahli waris semasa hidup tidak perlu. Mereka mengetahui bahawa dalam Islam telah ditetapkan kadar dan pecahan bagi ahli waris iaitu pembahagian harta mengikut hukum Faraid selepas berlaku kematian. Tanggapan kebanyakan orang Islam bahawa harta pusaka akan diselesaikan selepas kematian kerana adanya hukum Faraid iaitu hukum yang telah ditentukan kadarnya bagi ahli waris yang layak maka mereka tidak perlu membahagikan harta semasa masih hidup. Kesannya, selepas berlaku kematian, ahli waris perlu menanggung semua masalah yang timbul berkaitan tuntutan dan pengurusan harta pusaka yang ditinggalkan. Terdapat beberapa keadaan di mana ahli waris tidak tahu akan kewujudan harta yang dimiliki oleh si mati dan si mati tidak pernah memaklumkan kepada ahli waris tentang harta yang dimiliki.

Sikap ahli waris yang suka bertangguh dalam proses tuntutan harta pusaka juga menjadi salah satu faktor sistem pengurusan harta pusaka di negara ini tidak bertambah baik. Sikap suka berlengah dan mengambil mudah sudah menjadi adat kebiasaan masyarakat melambat-lambatkan dan mengambil mudah terhadap permohonan pembahagian aset pusaka si mati, terutama bagi masyarakat yang sering berdepan dengan stigma 'tanah kubur masih merah sudah mahu menuntut', iaitu menunjukkan pembahagian pusaka tidak perlu disegerakan (Bibi & Md Yazid, 2016). Selain itu, sudah menjadi kebiasaan waris-warisan terutamanya di luar bandar tidak segera memohon pusaka jika peninggalan si mati hanyalah tanah di mana waris-warisan masih dapat mengusahakan tanah si mati walaupun belum diturun milik dan perkara ini dilakukan atas persetujuan bersama (Muhamad, 2006).

Mereka lebih rela membiarkan harta pusaka tersebut kekal atas nama hak milik si mati dan menunggu ahli waris lain yang membuat tuntutan harta pusaka. Mereka tidak tahu tentang risiko dan kesan dari tindakan mereka menangguh-nangguhkan pembahagian harta pusaka dan menganggap tidak ada apa-apa kesan dari segi hukum mahupun undang-undang. Terdapat juga masyarakat yang beranggapan bahawa tanah dan harta tersebut tidak perlu dituntut selagi tiada keuntungan. Mereka hanya mahu menyelesaikannya apabila sesuatu yang menguntungkan bakal menemui mereka, misalnya apabila harta tersebut hendak dijual, digadai atau diambil balik oleh kerajaan dan mendapat wang pampasan. Usaha penyelesaian pembahagian harta pusaka tergantung kepada kemahuan bersama ahli waris sebagai pemilik harta pusaka (Hafiz, 2014).

Hal-hal berkaitan harta pusaka tidak terlalu didedahkan secara meluas seperti hal-hal lain kepada masyarakat. Kesannya, masyarakat kekurangan maklumat dan pengetahuan yang mendalam tentang proses pembahagian harta pusaka samada dari segi hukum atau undang-undang. Kebanyakan

masyarakat tidak tahu bagaimana untuk memulakan proses tuntutan harta pusaka (Suraya, 2016). Mereka tidak didedahkan oleh pihak bertanggungjawab mengenai proses tuntutan harta pusaka dan ditambah dengan sikap masyarakat yang tidak ambil peduli tentang perkara tersebut. Kekurangan ilmu pengetahuan tentang proses tuntutan harta pusaka ini akan menyebabkan masyarakat mudah ditipu oleh segolongan masyarakat yang suka mengambil kesempatan. Selain itu, mereka juga akan melambatkan proses tuntutan harta pusaka yang kemungkinan boleh memakan masa bertahun-tahun.

Justeru, cadangan pembangunan Model pusat sehati pengurusan harta pusaka (FOSC) amat diperlukan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang menghalang proses pengurusan harta pusaka. Model ini juga akan mempercepatkan proses pengurusan harta pusaka kerana semua agensi akan di kumpulkan di bawah satu pusat. Dengan ini, orang ramai tidak perlu membuang masa untuk ke setiap satu agensi yang mungkin mempunyai jarak yang jauh antara satu sama lain dan secara tidak langsung akan melambatkan proses tuntutan harta pusaka. Hasil daripada pentadbiran dan pengurusan harta pusaka secara sistematik akan dapat meningkatkan pembangunan ummah serta diyakini mampu membantu dalam membasmi kemiskinan di negara kita.

Model Pusat Sehati Pengurusan Harta Pusaka (FOSC)

Model Pusat Sehati Pengurusan Harta Pusaka (Faraid) (FOSC) ini adalah satu model pembangunan yang menyatukan lima agensi yang terlibat dengan pengurusan pusaka dibawah satu pusat. Tujuan penubuhan model pusat sehati pengurusan harta pusaka ini adalah untuk membantu memudahkan dan melancarkan proses pengurusan harta pusaka. Agensi yang terlibat adalah *Faraid USIM Consultant* (FUSACA), Amanah Raya Berhad, Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian (JKPTG), Agensi Guaman dan Majlis Agama Islam Negeri. Agensi-agensi ini mempunyai fungsi dan peranan yang tersendiri dalam menguruskan proses harta pusaka.

Agensi Pertama: *Faraid USIM Consultant* (FUSACA)

Faraid USIM Consultant (FUSACA) menawarkan perkhidmatan rundingan dan khidmat nasihat mengenai Faraid bagi membantu pelanggan pada fasa awal kedatangan pelanggan ke FOSC. Pelanggan akan diberikan penjelasan dan panduan tentang masalah harta pusaka dengan memaklumkan kepada pelanggan agensi yang perlu dirujuk untuk proses selanjutnya dan memberi gambaran yang jelas kepada pelanggan tentang proses pengurusan harta pusaka yang dipohon. FUSACA mempunyai tiga bahagian iaitu Bahagian Harta Pusaka, Bahagian Hibah dan Bahagian Wasiat.

Setiap bahagian mempunyai fungsi tertentu dalam menguruskan hal berkaitan Faraid sebagai contoh Bahagian Harta Pusaka hanya akan menguruskan hal-hal berkaitan harta pusaka sahaja. Manakala, Bahagian Wasiat akan memberi khidmat nasihat berkaitan wasiat sama ada penulisan wasiat, pelaksanaan wasiat dan sebagainya. Pelanggan akan diberi tunjuk ajar dan gambaran bagi keseluruhan proses secara kasar bagi memudahkan urusan di peringkat selanjutnya. Bahagian Hibah pula berperanan dalam memberi khidmat nasihat berkaitan hibah.

FUSACA akan menempatkan empat orang kakitangan yang mahir dan berpengalaman dalam pengurusan harta pusaka bagi memastikan setiap masalah dapat diuruskan dan diselesaikan secara efisien dan sistematik. Setiap bahagian tersebut akan diuruskan dan dijaga oleh seorang kakitangan yang akan mengenal pasti masalah dan berunding dengan pelanggan secara detil dan terperinci. Di situ juga akan ditempatkan satu bahagian pertanyaan yang akan dikendalikan dan diuruskan oleh seorang kakitangan sekiranya terdapat sebarang masalah atau kekeliruan berkaitan Faraid.

Selain itu, FUSACA juga akan mengadakan kempen secara berkala di FOSC untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengurusan harta pusaka. Kempen ini juga akan mendedahkan kepada masyarakat tentang dokumen-dokumen yang diperlukan untuk menguruskan harta pusaka seperti Sijil Kematian, Sijil Faraid dan dokumen berkaitan harta dan hutang.

FUSACA dilihat mampu membantu masyarakat untuk menyelesaikan masalah berkaitan faraid dengan pantas di samping mampu memberi pengetahuan yang mendalam secara berterusan mengenai faraid khususnya mengenai harta pusaka. Dengan perlaksanaan kempen kesedaran secara berkala itu juga dilihat mampu membantu masyarakat supaya lebih peka dan sedar tentang kepentingan pengurusan harta pusaka.

Agensi Kedua: Amanah Raya Berhad

Agensi Amanah Raya di FOSC ini menawarkan pelbagai perkhidmatan yang sama dengan Amanah Raya Berhad lain seperti pentadbiran harta pusaka berwasiat dan tidak berwasiat, penulisan, penyimpanan dan pelaksanaan wasiat serta pengurusan pelbagai Akaun Amanah bagi kepentingan waris tertentu mengikut hasrat pelanggan. Perkhidmatan yang disediakan oleh Amanah Raya sentiasa memberi jaminan kewangan yang optimum kepada semua waris yang berhak.

Syarikat ini mempunyai bidang kuasa dalam mengeluarkan surat kuasa dan mengendalikan pembahagian harta pusaka. Kewujudan dan peranan Amanah Raya sangat penting dalam pengurusan harta pusaka kerana pihak bank memerlukan surat kuasa iaitu Surat Akaun atau Arahan daripada Amanah Raya sebelum pembayaran dapat dilakukan samada secara terus kepada waris atau kepada Amanah Raya sebagai pentadbir kepada harta pusaka.

Selain itu, Amanah Raya Berhad juga akan mewakili waris di mahkamah dan menguruskan harta pusaka bagi pihak waris. Antara tugas dan peranan lain Amanah Raya Berhad adalah meneliti senarai harta, liabiliti dan mengenal pasti penghutang dan pemiutang si mati dan mengeluarkan surat kuasa mentadbir atau Akaun. Sijil Faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah adalah penting dalam menentukan waris yang layak mendapat pusaka si mati serta bahagian yang berhak di terima.

Pejabat Amanah Raya Berhad di FOSC ini akan diuruskan dan dikendalikan oleh lima orang kakitangan daripada syarikat Amanah Raya Berhad yang berpengalaman dan mahir dalam proses pengurusan harta pusaka. Semua kakitangan tersebut bertanggungjawab dalam menyemak Sijil Faraid yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dan mengeluarkan surat kuasa dan mengendalikan pembahagian harta pusaka. Dengan adanya Amanah Raya Berhad di FOSC, segala urusan yang berkaitan dengan harta alih dilihat mampu diselesaikan dengan cepat kerana tertumpu pada satu pusat sahaja.

Agensi Ketiga: Bahagian Harta Pusaka Kecil

Agensi ini merupakan salah satu pentadbir utama harta pusaka yang menguruskan semua permohonan pembahagian pusaka kecil yang bernilai kurang daripada dua juta ringgit yang mengandungi harta tak alih keseluruhan atau sebahagiannya.

Peranan dan fungsi Bahagian Harta Pusaka Kecil di FOSC sama dengan Bahagian Harta Pusaka Kecil yang terdapat di Pejabat Tanah Negeri dan Daerah yang melaksanakan tuntutan dalam Perlembagaan Persekutuan berkaitan harta pusaka di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (pembahagian) 1955. Agensi ini akan merujuk kepada pendaftar pusat Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi memastikan tiada permohonan pernah dibuat di tempat lain. Agensi ini juga akan merujuk Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta untuk menentukan bidang kuasa yang layak mentadbir harta pusaka yang dipohon. Justeru, segala permohonan dan urusan yang berkaitan dengan harta pusaka akan menjadi lebih seragam dan sistematik.

Semua jenis borang yang diperlukan semasa proses pengurusan harta pusaka disediakan di Bahagian Harta Pusaka Kecil seperti Borang permohonan (Borang A), Borang Perintah (Borang T), Borang permohonan selanjutnya (Borang P) dan borang-borang lain. Pelanggan juga boleh mendapatkan tarikh perbicaraan yang akan dibicarakan oleh Pegawai Tadbir Unit Pembahagian Pusaka Kecil untuk memeriksa keterangan setiap waris yang terlibat. Bahagian Harta Pusaka Kecil akan mendapatkan perakuan daripada Pejabat Tanah tentang nilai harta yang dinyatakan dalam permohonan.

Dua buah kaunter dibuka untuk tujuan pengurusan harta pusaka di bawah bidang kuasa Bahagian Harta Pusaka Kecil yang diuruskan oleh seorang kakitangan di setiap kaunter. Manakala, satu kaunter khas yang diuruskan oleh seorang kakitangan yang berpengalaman dan berpengetahuan tinggi diwujudkan bagi memberi penerangan tentang harta tak alih. Tujuan kaunter ini diwujudkan adalah bagi menjelaskan kepada pelanggan tentang dokumen-dokumen yang diperlukan semasa proses pengurusan harta pusaka. Dengan ini, proses pengurusan harta pusaka dapat diselesaikan dengan cepat dan efisien kerana kebanyakan permohonan yang tertangguh adalah disebabkan oleh kekeliruan pelanggan tentang dokumen-dokumen yang diperlukan untuk permohonan diselesaikan.

Agensi Keempat: Khidmat Guaman

Agensi khidmat guaman di FOSC ini terdiri daripada dua sektor iaitu Jabatan Bantuan Guaman (JBG) daripada sektor kerajaan dan firma-firma guaman daripada sektor swasta. Jabatan Bantuan Guaman ialah suatu Jabatan Kerajaan yang memberikan khidmat bantuan guaman kepada mereka yang layak berpandukan Akta Bantuan Guaman 1971. Melalui perkhidmatan ini, rakyat yang kurang berkemampuan berpeluang mendapat perkhidmatan guaman pada kadar subsidi daripada Kerajaan sebagai alternatif kepada perkhidmatan yang ditawarkan oleh peguam swasta yang lazimnya melibatkan kos yang tinggi.

Jabatan Bantuan Guaman boleh memberi nasihat dalam semua perkara undang-undang, sivil dan Syariah dan boleh mewakili atau menyediakan khidmat peguam dalam perbicaraan di mahkamah-mahkamah di Malaysia (sivil dan Syariah) yang termasuk di bawah bidang kuasanya, menjalankan proses pengantar bagi tujuan menyelesaikan pertikaian secara damai dan sukarela dan memberi ceramah dan penerangan kepada orang awam tentang hak-hak mereka di bawah Akta Guaman 1971.

Walaupun bagaimanapun, peranan Jabatan Bantuan Guaman di FOSC akan dihadkan dengan mengkhususkan hal-hal berkaitan harta pusaka sahaja. Dengan ini matlamat penubuhan model pusat sehati pengurusan Faraid (FOSC) akan tercapai dan dalam masa yang sama dapat menyelesaikan masalah harta benuk yang tidak dituntut oleh waris dengan baik.

Firma-firma guaman daripada sektor swasta akan menjalankan tugas yang sama dengan Jabatan Bantuan Guaman. Agensi ini adalah untuk golongan yang tidak layak memohon perkhidmatan di Jabatan Bantuan Guaman dan bagi golongan yang mampu untuk mendapatkan khidmat guaman swasta. Pelanggan boleh memilih untuk berurusan dengan Jabatan Bantuan Guaman atau firma guaman swasta mengikut keselesaan dan kemampuan pelanggan itu sendiri. Dengan ini, pelanggan tidak perlu untuk ke Mahkamah bagi mendapatkan khidmat guaman daripada Jabatan Bantuan Guaman memandangkan segala kemudahan agensi berkaitan pengurusan harta pusaka berada di FOSC.

Agensi Kelima: Majlis Agama Islam Negeri


Majlis Agama Islam Negeri mempunyai satu bahagian khas yang berkaitan dengan harta pusaka iaitu Jawatankuasa Baitulmal. Peranan Jawatankuasa Baitulmal adalah menguruskan harta-harta pusaka yang tidak ada ahli waris atau harta yang jatuh kepada baitulmal sahaja. Selain itu, tugas baitulmal juga adalah untuk mengenal pasti dan merekod harta baitulmal dan dalam masa yang sama mengawal dan memajukan harta-harta baitulmal.

Majlis Agama Islam Negeri akan digabungkan dengan Jabatan Mufti untuk memudahkan proses pengurusan harta pusaka. Tujuan dan peranan Jabatan Mufti ini adalah untuk memberikan fatwa mengenai faraid sekiranya terdapat pelanggan yang memerlukan perkhidmatan fatwa berkaitan faraid. Seorang kakitangan akan ditempatkan di setiap bahagian dalam agensi ini bagi menguruskan semua urusan berkaitan bahagian masing-masing. Bahagian Fatwa akan diletakkan di FOSC untuk membantu melancarkan proses pengurusan harta pusaka.

Kombinasi antara Majlis Agama Islam Negeri Bahagian Baitulmal dan Zakat dengan Jabatan Mufti Bahagian Fatwa ini dilihat mampu membantu mempercepat dan melancarkan segala proses berkaitan

harta pusaka. Tujuan penyatuan ini adalah untuk memudahkan pelanggan berurusan dengan dua jabatan dalam satu masa di satu tempat sahaja.

Kerangka Cadangan Pusat Sehenti Pengurusan Harta Pusaka



Gambar rajah 1: kerangka cadangan pusat sehenti pengurusan harta pusaka.

KESIMPULAN

Kemajuan dan kemodenan yang terhidang di hadapan masyarakat pada masa kini dengan pelbagai masalah seharusnya dapat diselesaikan dengan pantas dan cekap. Kemudahan teknologi siber sangat membantu dalam proses pengurusan harta pusaka dan kemudahan ini seharusnya menjadi kelebihan kepada agensi pengurusan dan pentadbiran harta pusaka di Malaysia khususnya. Masalah-masalah harta beku dan harta tidak dituntut dapat dikurangkan dan diselesaikan dengan baik dengan bantuan kecanggihan teknologi. Penyatuan agensi-agensi pengurusan dan pentadbiran harta pusaka di bawah satu pusat merupakan satu inisiatif yang dilihat sangat baik dan mampu membantu masyarakat dalam pengurusan harta pusaka. Model Pusat Sehenti Pengurusan Harta Pusaka (Faraid) (FOSC) ini perlu diwujudkan memandangkan ia mampu memberi banyak sumbangan dalam proses pengurusan harta pusaka. Malah, proses tuntutan harta pusaka dapat diselesaikan dengan cepat dan sistematik tanpa pertindihan maklumat antara agensi-agensi terlibat. Idea menempatkan agensi-agensi pentadbiran dan pengurusan harta pusaka di bawah satu pusat ini dilihat sangat membantu masyarakat dari segi pengurangan kos pengangkutan untuk ke setiap agensi yang jauh antara satu sama lain dan dapat membantu dari segi menambahkan pengetahuan dan maklumat mengenai faraid dan proses tuntutan

harta pusaka secara menyeluruh. Selain itu, inisiatif ini mampu menyelesaikan masalah harta pusaka yang dibekukan disebabkan oleh tiada tuntutan harta pusaka dibuat oleh pihak waris. Kempen yang akan diadakan secara berkala mampu memberi kesedaran dan kefahaman yang baik tentang kepentingan pengurusan harta pusaka yang terancang dalam kalangan masyarakat. Penyatuan kelima-lima agensi ini juga dilihat mampu menyelesaikan masalah-masalah berkaitan harta pusaka dengan lebih efisien dan mudah.

Rujukan

- Ab. Aziz & Nordin. (2015). *Perception Towards Planning to Waqf, Wasiyyah and Faraid in Islamic Wealth distribution: Malaysian Perspective. Journal of Scientific Research and Development* 2(12)
- Abdul Hakim Mohammed, Abdul Hamid Hj. Mar Iman & Adibah Awang. (2009). *Pembangunan Harta Tanah dan Pelestarian. Seminar Pembangunan Harta Tanah Kebangsaan Menurut Perspektif Islam*. Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Hidayat Buang. (2009). *Pengurusan Harta Keluarga Mengikut Islam dan Realiti Semasa di Malaysia*; Jurnal Bil.2. (IKIM), Kuala Lumpur.
- Ahmad Termizi Abdullah. (2017). *Pelaksanaan Pembahagian Harta Pusaka Berdasarkan Faraid: Kedudukan dan Perlaksanaannya mengikut Undang-undang dan Amalan Guaman di Malaysia*.
- Amir Bahari. (2012). *Soal Jawab Wasiat Islam*. Perpustakaan Negara Malaysia. Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Bibi Nur Adila Zulkafli & Md Yazid Ahmad. (2016). *Kekangan dan Penyelesaian Kelewatan Pengurusan Aset Pusaka Tak Alih Orang Islam di Malaysia*. *Islamiyyat* 38(1).
- Resali Muda. (2016). *Harta Pusaka Islam di Malaysia: Antara Perundangan dan Pentadbiran dalam Malaysia Journal of Syariah and Law*. Malaysia Journal of Syariah and Law. Volume 4-2016.
- Faridah Ahmad, Fauziah Mohd. Nor & Alias Azhar. (2017). *Sejarah Pelaksanaan Hak Pewarisan Pusaka pada Zaman Jahiliah dan Zaman Pasca-Islam : Kajian Perbandingan*.
- Fazira Bt. Shafie, Wan Zahar Wan Yusoff & Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus. (2014). *Pengurusan Harta Tanah di Malaysia menurut perspektif Islam: Isu dan Cabaran bagi Perwarisan Harta dalam Konteks Pembangunan Modal Insan*; Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2004 (INSAN 2014), Batu Pahat, Johor, 9-10 April 2014.
- Mahamad Naser Disa. (2007). Kertas Kerja yang Bertajuk: *Isu Perundangan dalam Pengurusan dan Pentadbiran Harta Orang Islam di Malaysia*, yang dibentangkan semasa Konvokesyen Perwarisan dan Pusaka Islam Malaysia anjuran ARB pada 12-14 Jun 2007 bertempat di Hotel Residency, Universiti Tenaga Nasional.
- Ismail Omar, Asiah Othman, Djurjani Wardata & Prijono Nugroho Djojomartono. (2012). *Strengthening the Structure of Development Land Market in Kampung Baru, Kuala Lumpur – Transaction Cost of Institutional Economics Analysis Perspective*. Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Md. Yazid Ahmad. (2005). *Polisi Umum Pentadbiran Tanah Era Khalifah 'Umar bin Al-Khattab*; Jurnal Isu Syariah dan Undang-undang Siri 22, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Khairy Kamarudin & Azwan Abdullah. (2016). *Amalan Pembahagian Faraid di Malaysia*.
- Muhammad A. (2006). *Isu-isu dan Masalah-masalah dalam Pengurusan Pembahagian Harta Kecil*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta dalam Islam.
- Muhammad Ali Ash-Shabuni. (1996). *Pembahagian Harta Kepada Waris Menurut Islam*. Percetakan Syria.
- Muhammad al-Zuhaili. (2012/1433). *al-Faraid wa al-Wasoya*, cet.1. Damsyik: Dar al-Mustaffa.

- Muhammadul Bakir Yaakub & Khatijah Othman. (2011). *Konflik Pembahagian Harta Pusaka dan Krisis Identiti dalam Institusi Kekeluargaan Masyarakat Melayu: Satu Tinjauan dari Perspektif Islam*. Procedia-Social & Behavioral Sciences.
- Mustaffa Khin, Mustaffa Bugho & Ali As-Sharbanji. (2013). *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam Al-Syafie*, cet.14,, 282. Damsyik: Dar al-Mustaffa.
- Naziruddin Abdullah. (2005). *Polisi Pentadbiran dan Pengurusan Tanah : Analisis Perbandingan Antara Kanun Tanah Negara dan Hukum Islam*. Jurnal Syariah.
- Wan Suraya Wan Hassin. (2016). *Faktor-faktor yang mempengaruhi Harta Pusaka Beku di Malaysia*. Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICOMM) 2016.